



Wakaf Muaqqat: Kerangka Cadangan Pelaksanaan dalam Pembangunan Ekonomi Islam pada Peringkat Majlis Agama Islam Negeri

Waqf Muaqqat: A Proposed Implementation Framework for Islamic Economic Development at the State Islamic Religious Council Level

Noor Ain Alin @ Nordin¹, Asmak Ab Rahman*¹

¹Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

ABSTRACT - Kajian ini bertujuan mengkaji secara komprehensif model wakaf *muaqqat* sebagai salah satu instrumen ekonomi Islam kontemporari. Fokus kajian merangkumi empat aspek utama aspek utama: a) Hukum wakaf *muaqqat*, b) *dawabit* pelaksanaan wakaf *muaqqat* di Malaysia, c) prosedur penyerahan aset oleh pewakaf, d) prosedur pemberhentian dan pemulangan semula aset wakaf *muaqqat*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur *fiqh* klasik dan kontemporari serta meneliti perundangan wakaf di beberapa negara Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wakaf tunai bertempoh mempunyai asas syariah yang kukuh, iaitu merangkumi *sighab* yang jelas serta kategori aset dan tempoh yang ditentukan secara munasabah. Wakaf *muaqqat* juga berpotensi menjadi instrumen kebajikan yang fleksibel serta sesuai untuk pembiayaan pendidikan, kesihatan dan projek komuniti, di samping mengatasi isu pengurusan harta wakaf kekal sedia ada yang belum dapat dimanfaatkan. Kesimpulannya, wakaf *muaqqat* boleh dijadikan model pelengkap kepada wakaf kekal dan memperkukuh peranan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam. Diharapkan kajian ini mampu menjadi rujukan dan panduan kepada masyarakat Muslim dalam memahami konsep wakaf *muaqqat* serta mendorong masyarakat untuk turut serta dalam usaha merencanakan amalan wakaf yang akan menyokong pembangunan ekonomi umat Islam di Malaysia. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pemegang amanah wakaf di Malaysia terutamanya dalam proses tadbir urus wakaf supaya pengurusan bertambah dinamik dan efektif.

ABSTRACT - *This study aims to comprehensively examine the waqf muaqqat (temporary waqf) model as a contemporary Islamic economic instrument. The study focuses on four main aspects: (a) the legal ruling of waqf muaqqat, (b) the guidelines for its implementation in Malaysia, (c) the procedures for asset transfer by the donor (waqif), and (d) the procedures for the termination and return of waqf muaqqat assets. The study adopts a qualitative approach through the analysis of classical and contemporary fiqh literature, as well as waqf legislation in several Islamic countries. The findings indicate that time-bound cash waqf has a strong Shari'ah foundation, including a clear sighab (declaration), suitable asset categories and a reasonable duration. Waqf muaqqat also has strong potential as a flexible charitable instrument for financing education, healthcare and community projects while addressing issues related to perpetual waqf assets that have yet to be fully utilized. It is hoped that this study will*

ARTICLE HISTORY

Received: 31st Mar 2026

Revised: 13th Apr 2026

Accepted: 14th Apr 2026

Published: 01st June 2026

KEYWORDS

Wakaf tunai bertempoh, harta wakaf, tempoh wakaf, pemberhentian wakaf, pembangunan sosioekonomi Islam, *sighab* wakaf.

serve as a valuable reference and guide for the Muslim community in understanding the concept of waqf muaqqat and encourage greater participation in promoting waqf practices that contribute to the economic development of the Muslim ummah in Malaysia. Furthermore, this study is expected to provide a useful reference for waqf trustees in Malaysia, particularly in strengthening waqf governance processes to ensure that waqf management becomes more dynamic and effective.

Keywords: *Temporary waqf, Islamic commercial jurisprudence, waqf assets, waqf duration, termination of waqf, Islamic socio-economic development, waqf sighthab.*

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan salah satu instrumen penting dalam sistem ekonomi Islam yang memainkan peranan sebagai mekanisme kebajikan sosial dan pembangunan masyarakat. Secara tradisinya, wakaf kekal telah lama diamalkan. Harta yang diwakafkan tidak boleh ditarik balik dan manfaatnya berterusan sepanjang masa. Walau bagaimanapun, perkembangan semasa menunjukkan adanya keperluan terhadap bentuk wakaf yang lebih fleksibel, antaranya ialah pelaksanaan wakaf *muaqqat* yang juga dikenali sebagai wakaf bertempoh atau wakaf sementara. Wakaf *muaqqat* membolehkan harta atau dana diwakafkan untuk suatu jangka masa tertentu sebelum dikembalikan semula kepada pemilik asal atau diwarisi oleh ahli keluarga seandainya pemilik asal telah meninggal dunia.

Walaupun konsep wakaf *muaqqat* telah diperbahaskan secara akademik oleh beberapa institusi dan diiktiraf dalam beberapa perundangan Islam seperti enakmen wakaf negeri di Malaysia, namun pelaksanaannya masih sangat terbatas. Terdapat pelbagai persoalan yang memerlukan penelitian mendalam, termasuk pentafsiran sebenar wakaf *muaqqat* menurut *fiqh* dan perundangan sehinggalah kepada cara pelaksanaannya. Kajian komprehensif terhadap aspek-aspek ini penting bagi membina kerangka teori dan praktikal yang lebih jelas, sekali gus memperkukuh kedudukan wakaf *muaqqat* sebagai instrumen ekonomi Islam yang relevan dengan keperluan masyarakat moden.

Mahamood (2025) menyatakan bahawa terdapat keperluan melaksanakan wakaf *muaqqat* dalam era moden supaya dapat diharmonikan dengan realiti ekonomi dan sosial pada hari ini. Pendekatan ini membolehkan harta diwakafkan secara fleksibel, iaitu sesuai dengan keperluan pewakaf dan pihak penerima yang tidak semestinya menuntut wakaf yang bersifat kekal. Kahf (1999) terlebih dahulu menyatakan bahawa para *fuqaha* telah membahaskan hukum wakaf *muaqqat* melibatkan harta yang sesuai pada ketika itu seperti bangunan, pokok, kuda dan juga buku. Hal ini menunjukkan bahawa wakaf *muaqqat* telah lama dibincangkan dan semakin diterima oleh ulama kontemporari serta diiktiraf oleh badan antarabangsa. Oleh itu, konsep ini wajar diaplikasikan dalam pentadbiran wakaf di Malaysia kerana sifatnya yang sesuai dengan keperluan semasa.

Permasalahan kajian timbul daripada keperluan untuk memahami kedudukan wakaf *muaqqat* dalam *fiqh* serta aplikasinya dalam konteks Malaysia yang sedang giat memperkembangkan instrumen wakaf sebagai mekanisme pembangunan sosioekonomi umat Islam. Walaupun wakaf tradisional difahamkan sebagai pemberian harta kekal kepada Allah SWT untuk tujuan kebajikan, terdapat perbahasan dalam kalangan ulama mengenai kesahan wakaf *muaqqat* yang bersifat sementara, termasuklah isu berkaitan pentafsiran konsep, *sighthab* pengisytiharan, jenis wakaf, bentuk harta yang dibenarkan, tempoh masa, kaedah pemberhentian dan pemilikan selepas tamat tempoh. Cabaran utama ialah ketiadaan garis panduan yang jelas tentang wakaf *muaqqat* dalam undang-undang Malaysia dan penekanan lebih diberikan kepada wakaf kekal. Kekaburan ini menimbulkan pelbagai persoalan praktikal tentang pengurusan harta wakaf *muaqqat*, jaminan hak pewakaf dan penerima manfaat serta kesesuaian pandangan mazhab dengan realiti Malaysia, khususnya mazhab Syafi'i. Oleh itu, kajian yang sistematik diperlukan untuk membangunkan model wakaf *muaqqat* yang komprehensif agar dapat dijadikan sebagai panduan rasmi, sekali gus memastikan pelaksanaannya dapat memberikan manfaat optimum kepada masyarakat dalam kerangka syariah dan undang-undang negara.

Berdasarkan permasalahan yang telah dibincangkan di atas, maka kajian ini dijalankan untuk mengkaji model wakaf *muaqqat* berdasarkan *fiqh* dan juga perspektif di Malaysia merangkumi: a) hukum wakaf *muaqqat*, b) *dawabit* pelaksanaan wakaf *muaqqat* di Malaysia, c) prosedur penyerahan aset oleh pewakaf d) prosedur pemberhentian dan pemulangan semula aset wakaf *muaqqat*.

KAJIAN LITERATUR

Wakaf *muabbad* yang turut dikenali sebagai wakaf kekal telah sekian lama diamalkan manakala wakaf *muaqqat* merupakan sebahagian daripada wakaf itu sendiri. Namun demikian, disebabkan faktor hukum seperti yang telah dibincangkan di atas, wakaf *muaqqat* tidak dapat diamalkan seiring dengan wakaf *muabbad*. Badlihisam dan Md Salleh (2024) menegaskan bahawa kebanyakan negeri masih berpegang pada mazhab Syafi'i yang hanya mengiktiraf wakaf kekal walaupun terdapat beberapa negeri seperti Johor, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sarawak yang telah membenarkan pelaksanaan wakaf *muaqqat* melalui enakmen negeri masing-masing.

Kajian mengenai aplikasi wakaf *muaqqat* di Malaysia telah berkembang pesat dalam dekad kebelakangan ini, khususnya melalui penerbitan yang meneliti aspek *fiqh*, undang-undang dan tadbir urus wakaf. Alin @Nordin et al. (2025) menegaskan bahawa wakaf *muaqqat* berpotensi besar sebagai instrumen pembangunan ekonomi Islam kerana sifatnya yang fleksibel dan selaras dengan *maqasid* syariah. Kajian mereka menekankan bahawa wakaf *muaqqat* boleh menjadi pelengkap kepada wakaf kekal, terutamanya dalam konteks pembiayaan projek pendidikan dan komuniti di Malaysia. Kajian ini juga mengetengahkan satu pelaksanaan wakaf *muaqqat* yang telah menyediakan peluang pekerjaan serta meningkatkan taraf hidup masyarakat yang telah dilaksanakan oleh CIMB Islamic Bank Berhad (CIMB Islamic) melalui kerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia, Yayasan Belia Malaysia dan Syarikat Foodpanda.

Selain itu, Mohamad dan Adnan (2024) meneliti aplikasi wakaf *muaqqat* di Terengganu dengan memberikan tumpuan pada pendanaan wakaf melalui Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Perbincangan mereka turut merangkumi kebarangkalian nilai ataupun jumlah wang yang diwakafkan serta tempoh wakaf yang relevan dengan tujuan pewakaf, di samping tidak membebankan pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kajian ini menunjukkan bahawa wakaf bertempoh mampu meningkatkan hasil pendanaan wakaf melalui inovasi tadbir urus, sekali gus memperkukuh peranan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi negeri.

Kajian oleh Badlihisam dan Md Salleh (2024) meneliti isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan wakaf bertempoh (*wakaf muaqqat*) dalam penyata kewangan di Malaysia. Dari sudut undang-undang, Ab Rahman et al. (2025) meneliti fleksibiliti wakaf *muaqqat* di Negeri Sembilan dengan menekankan cabaran perundangan dan keperluan penyesuaian terhadap kerangka undang-undang sivil. Kajian ini mendapati bahawa walaupun majoriti negeri di Malaysia masih berpegang pada konsep wakaf kekal berasaskan mazhab Syafi'i, masih terdapat ruang untuk mengiktiraf wakaf *muaqqat* sebagai instrumen alternatif yang sah di sisi syarak.

Ab Rahman dan Amanullah (2017) menyorot cabaran aplikasi wakaf *muaqqat* di beberapa negeri Malaysia, termasuk Johor dan Negeri Sembilan. Kajian mereka menekankan isu praktikal seperti *sighab* pengisytiharan, tempoh masa dan pemilikan harta selepas tamat tempoh wakaf. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun terdapat cabaran dari sudut *fiqh* dan pentadbiran, wakaf *muaqqat* tetap relevan sebagai instrumen kontemporari yang boleh memperkukuh ekonomi umat Islam.

Secara keseluruhan, literatur menunjukkan bahawa aplikasi wakaf *muaqqat* di Malaysia bukan sahaja sah dari perspektif *fiqh*, tetapi juga mempunyai potensi besar dalam pembangunan sosioekonomi. Walaupun telah banyak kajian komprehensif meliputi perbahasan dan perbandingan *fiqh* klasik dengan keperluan kontemporari, masih terdapat kekurangan dari aspek model praktikal, penerimaan masyarakat dan impak sosial serta kerangka tadbir urus wakaf *muaqqat*.


METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana kajian berkaitan wakaf *muaqqat* memerlukan penelitian yang mendalam terhadap aspek hukum, pelaksanaan dan pengalaman institusi. Pandangan informan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembangunan wakaf juga perlu diambil kira sebagai data yang akan diteliti untuk membolehkan penyelidik memahami fenomena wakaf *muaqqat* secara holistik dari aspek pelaksanaannya. Selain itu, pendekatan kualitatif memberikan ruang kepada penerokaan isu yang kompleks dan fleksibel tanpa terikat pada pengukuran statistik semata-mata. Penggunaan data primer dan data sekunder secara serentak bertujuan memperkukuh dapatan kajian melalui proses triangulasi data. Data primer diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama informan yang mempunyai autoriti dan kepakaran dalam bidang wakaf, manakala data sekunder diperoleh menerusi analisis dokumentasi seperti buku, jurnal, fatwa, laporan rasmi, tesis dan dokumen berkaitan wakaf *muaqqat*. Pendekatan gabungan ini selaras dengan pandangan Creswell dan Poth (2018) yang menegaskan bahawa kajian kualitatif sesuai digunakan untuk memahami sesuatu fenomena sosial secara mendalam melalui pengalaman dan pandangan peserta. Kaedah yang sama turut digunakan dalam kajian-kajian lepas berkaitan wakaf dan kewangan Islam yang menggabungkan temu bual serta analisis dokumen bagi menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh dan sahih (Kahf, 2003; Mahamood et al., 2018; Mahamood, 2025).

Proses pengumpulan data dijalankan selama sepuluh bulan bermula Mei 2023 sehingga Mac 2024 melibatkan beberapa negeri, iaitu Selangor, Terengganu dan Johor. Pemilihan negeri-negeri tersebut dibuat secara persampelan kerana negeri berkenaan telah mengeluarkan fatwa yang mengharuskan pelaksanaan wakaf *muaqqat* dan mempunyai pengalaman dalam pelaksanaan wakaf pada peringkat institusi. Demografi informan bagi kajian ini melibatkan empat kategori utama, yang dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan kepakaran, pengalaman dan penglibatan langsung dalam bidang wakaf. Informan tersebut merangkumi mufti yang berperanan sebagai autoriti dalam penentuan hukum syarak berkaitan wakaf. Seterusnya, pegawai wakaf daripada MAIN yang terlibat dalam pengurusan, pentadbiran dan pembangunan aset wakaf Kategori ketiga ialah pakar kewangan Islam yang mempunyai kepakaran akademik dan profesional dalam instrumen kewangan Islam. Informan yang terakhir ialah daripada institusi kewangan Islam yang terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan produk berasaskan wakaf. Pemilihan informan daripada pelbagai latar belakang profesional ini bertujuan memperolehi pandangan yang komprehensif mengenai aspek hukum, tadbir urus, pengurusan dan aplikasi kewangan wakaf, sekali gus meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Sesi temu bual dijalankan secara separa berstruktur, iaitu secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan persetujuan informan. Kesemua informan dihubungi melalui e-mel, panggilan telefon dan aplikasi WhatsApp sebelum sesi temu bual dijalankan. Data temu bual direkodkan menggunakan rakaman audio dengan persetujuan informan dan kemudiannya ditranskripsikan secara verbatim untuk tujuan analisis. Dari aspek etika penyelidikan, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan surat kebenaran rasmi daripada universiti dan persetujuan informan sebelum temu bual dijalankan, di samping menjaga kerahsiaan identiti serta maklumat yang diberikan oleh informan.

Data kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara manual kerana pendekatan ini sesuai untuk meneliti data berbentuk teks daripada temu bual dan dokumentasi. Proses analisis dimulakan dengan membaca keseluruhan transkripsi temu bual dan dokumen berkaitan secara berulang bagi memahami konteks data secara menyeluruh. Seterusnya, proses pengkodan dijalankan dengan mengenal pasti tema, subtema dan kategori yang berkaitan dengan objektif kajian seperti hukum wakaf *muaqqat*, *dawabit* pelaksanaan, prosedur penyerahan aset, cabaran pelaksanaan dan potensi pembangunan wakaf. Pengkodan ini dilakukan secara berterusan melalui pendekatan induktif dan deduktif sehingga terbentuk tema utama yang menggambarkan fenomena kajian secara sistematik. Bagi meningkatkan kesahan dapatan, kajian ini turut menggunakan triangulasi data dengan membandingkan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai kategori informan dan sumber dokumentasi seperti fatwa, laporan rasmi dan penulisan akademik.

Selain itu, dapatan temu bual juga dibandingkan dengan literatur terdahulu bagi memastikan konsistensi dan ketepatan interpretasi data. Pendekatan ini selaras dengan pandangan Krippendorff (2018) yang menegaskan bahawa analisis kandungan memerlukan proses pengekodan, pengelasan tema dan interpretasi data secara sistematik untuk menghasilkan dapatan yang sahih dan boleh dipercayai.



Rajah 1: Kerangka Cadangan Kajian

HASIL KAJIAN

Pensyariatan Wakaf *Muaqqat*

Takrif Wakaf *Muaqqat*

Istilah wakaf *muaqqat* merujuk wakaf yang diikat dengan satu jangka masa yang dihadkan oleh pewakaf. Setelah tamat atau luput tempoh yang ditetapkan, harta yang diwakafkan itu akan diserahkan kepada pewakaf (Al-Kasynawi, 1999). Al-Dardir (1995) dari mazhab Imam Maliki membincangkan takrif yang diutarakan oleh Ibnu Abdu al-Salam ialah seperti berikut:

جَعَلَ الْمَنْفَعَةَ مَمْلُوكًا وَلَوْ بِأَجْرَةٍ أَوْ عَلْتِهِ لِمُسْتَحَقٍّ، بِصَيَعَةٍ مُدَّةٍ مَا يَرَاهُ الْمُحِبِّسُ

Maksudnya: Menjadikan manfaat sesuatu harta sebagai milik, walaupun dengan upah atau hasilnya kepada orang yang berhak dengan kenyataan (*sighab*) yang menetapkan tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh pewakaf.

Berdasarkan frasa di atas, wakaf *muaqqat* bermakna pemberian manfaat atau keuntungan daripada suatu harta yang diwakafkan kepada pihak yang ditentukan, sama ada dalam bentuk upah ataupun hasil daripada harta tersebut. Manfaat ini diberikan berdasarkan perjanjian atau *sighab* untuk tempoh yang ditentukan oleh pewakaf. Wakaf tidak semestinya kekal dan pewakaf boleh memilih untuk menetapkan jangka masa tertentu supaya membolehkan orang lain memanfaatkan harta tersebut. Ab Rahman dan Amanullah (2017) mengutarakan takrif seperti berikut:

تَحْدِيدُ الْوَأَقْفِ غَايَةً مُعَيَّنَةً إِمَّا بِالزَّمَنِ أَوْ بِالطَّبَقَةِ لِإِنْتِهَاءِ الْوَقْفِ بِالضَّوَابِطِ الَّتِي تُحَدِّدُهَا اللَّامِحَةُ التَّنْفِيدِيَّةُ وَفَقًا لِأَحْكَامِ الشَّرِيعَةِ وَمَصَالِحِ الْوَأَقْفِ وَالْمَوْفُوفِ عَلَيْهِ وَالْأَعْيَانَ الْمَوْفُوفَةَ

Maksudnya: Satu bentuk wakaf yang membenarkan pewakaf untuk menetapkan sebarang syarat sama ada wakaf itu bersifat bertempoh (*ta`qit*) atau menghadkan kepada keturunan tertentu pewakaf dan syarat tersebut harus selari dengan prinsip serta peruntukan perundangan yang telah diperuntukkan oleh Lembaga Wakaf

Negeri bertepatan dengan hukum syarak serta bertepatan dengan masalah pewakaf, penerima wakaf (*manquf alaihi*) dan harta wakaf (*manquf*).

Kahf (2003) turut mengemukakan takrif wakaf yang secara langsung memasukkan istilah *ta'qut* dalam *sighab* wakaf. Beliau mendefinisikan wakaf sebagai tindakan menahan harta sama ada untuk tempoh kekal ataupun sementara daripada sebarang bentuk agihan peribadi seperti jualan, hadiah, pewarisan dan lain-lain. Tindakan ini bertujuan agar manfaat daripada harta tersebut dapat dimanfaatkan secara berulang untuk tujuan kebajikan, sama ada bersifat umum ataupun khusus serta tertakluk pada syarat pewakaf dalam menentukan hukum wakaf. Berdasarkan ketiga-tiga takrif yang dibincangkan, konsep wakaf *muaqqat* sebenarnya telah terkandung dalam pengertian wakaf secara umum, di mana menurut pandangan *fuqaha* tidak terdapat sebarang halangan (*mani*) atau kekurangan dalam sifat menghimpunkan (*jami*). Takrif *jami*' dan *mani*' berkaitan wakaf *muaqqat* menurut kefahaman pengkaji merujuk had masa yang ditentukan oleh pewakaf, sama ada berbentuk jangka masa tertentu ataupun generasi yang menjadi penamat tempoh wakaf supaya pelaksanaan wakaf dapat dijalankan dengan teratur dan selaras dengan ketetapan syariat Islam.

Hukum Wakaf *Muaqqat*

Dalam perbahasan wakaf *muaqqat*, terdapat dua pandangan utama. Sebahagian *fuqaha* menolak wakaf tersebut kerana dianggap memutuskan pahala berpanjangan daripada harta wakaf. Namun begitu, sebahagian *fuqaha* lain lebih fleksibel dengan mengharuskan wakaf *muaqqat* demi meraihan keperluan pemilik yang tidak mampu berwakaf secara kekal, berpegang pada kaedah bahawa hukum asal sesuatu perkara adalah harus selagi tidak terdapat nas yang mengharamkannya.

Pensyariaan wakaf *muaqqat* menjadi perbahasan dalam kalangan ulama *fiqh* dan hukumnya ditetapkan melalui proses *ijtibadi*. Maka, situasi ini membolehkan para *fuqaha* untuk membincangkan pandangan mereka. Terdapat dua hukum yang begitu ketara berkenaan dengan wakaf *muaqqat*, iaitu sah dan tidak sah. Wakaf *muaqqat* hanya diharuskan oleh *fuqaha* daripada mazhab Imam Maliki, sebaliknya ketiga-tiga mazhab yang lain, iaitu mazhab Imam Syafi'i, mazhab Imam Hambali dan mazhab Imam Hanafi berpendapat bahawa wakaf *muaqqat* tidak diharuskan. Mereka juga menyatakan bahawa wakaf yang dibatasi dengan waktu tertentu adalah tidak sah.

Para *fuqaha* membawakan beberapa pendekatan yang berbeza untuk mengutarakan pendapat masing-masing mengenai *ta'bid* dalam lafaz *sighab* wakaf serta memberikan perincian dalam membahaskan masalah ini. Oleh itu, kajian ini cuba mengutarakan pandangan dan perbahasan setiap mazhab serta pendapat pakar ekonomi kontemporari dalam dua bahagian, iaitu pendapat yang tidak mengharuskan *ta'qut* dan pendapat kedua yang mengharuskannya, kemudian diikuti dengan menyatakan pendapat yang *rajih* seperti berikut:

Wakaf *Muaqqat* Tidak Sah

Majoriti *fuqaha* daripada mazhab Hanafi, mazhab Syafi'i dan mazhab Hambali menolak wakaf *muaqqat* kerana mereka mensyaratkan wakaf mestilah berkekalan. Mereka berhujah bahawa konsep amal jariah menerusi wakaf hanya boleh direalisasikan sekiranya wakaf dilaksanakan untuk selama-lamanya.

Fuqaha daripada mazhab imam Hanafi, antaranya Al-Musilli (n.d.), Abidin (2003) dan Al-Hummam (n.d) menyatakan bahawa syarat sah wakaf adalah dengan mewakafkan harta itu secara kekal. Jika diwakafkan untuk sementara, wakaf itu tidak sah. Menurut Al-Sarakhsy (1994), mazhab ini meletakkan syarat sah wakaf ialah harta berkenaan diwakafkan secara berkekalan kerana wakaf merupakan satu bentuk sedekah. Maka, sedekah tidak sah jika dihadkan masanya (Al-Syafi'i, 1990).

Menurut Al-Musilli (n.d.), wakaf yang ditetapkan tempohnya turut dibahaskan dalam kalangan *fuqaha* mazhab Imam Syafi'i. Imam Syafi'i sendiri telah membincangkan tentang wakaf secara terperinci dan menafikan pelaksanaan wakaf *muaqqat* melalui penggunaan kata *abadan* (ابدا) yang membawa maksud selama-lamanya.

(قَالَ الشَّافِعِيُّ) وَالْعَطَايَ الَّتِي تَتَمُّ بِكَلَامِ الْمُعْطِي دُونَ أَنْ يَبْضِعَهَا الْمُعْطَى مَا كَانَ إِذَا حُرِّجَ بِهِ الْكَلَامُ مِنَ الْمُعْطَى لَهُ جَائِزًا عَلَى مَا لَمْ يَكُنْ لِلْمُعْطَى أَنْ يَمْلِكَ مَا حُرِّجَ مِنْهُ فِيهِ الْكَلَامُ بِوَجْهِهِ أَبَدًا وَهَذِهِ الْعَطِيَّةُ الصَّدَقَاتُ الْمُحَرَّمَاتُ الْمُؤَقَّفَاتُ عَلَى قَوْمٍ بِأَعْيَانِهِمْ، أَوْ قَوْمٍ مَوْصُوفِينَ وَمَا كَانَ فِي مَعْنَى هَذِهِ الْعَطَايَا مِمَّا سَبَّلَ مُحْبُوسًا عَلَى قَوْمٍ مَوْصُوفِينَ، وَإِنْ لَمْ يُسَمَّ ذَلِكَ مُحَرَّمًا فَهُوَ مُحَرَّمٌ بِاسْمِ الْحَبْسِ

Terjemahan: Imam Syafi'i menyatakan bahawa pemberian yang sempurna berlaku melalui lafaz daripada si pemberi tanpa memerlukan lafaz penerimaan oleh si penerima apabila si pemberi mengeluarkan lafaz untuk memberikan sesuatu harta. Maka, si pemberi itu tidak lagi boleh memiliki semula harta tersebut. Pemberian ini ialah sedekah yang diharamkan untuk diambil kembali kepada orang lain kerana telah diwakafkan kepada kaum tertentu atau kaum yang diterangkan sifatnya. Seagala yang terdapat dalam pemberian ini ditahan bagi tujuan kebajikan kepada kaum yang disifatkan tersebut. Jika tidak disebutkan, wakaf itu haram digunakan oleh orang lain dan wakaf itu ditahan untuk orang-orang tertentu sahaja.

Imam Syafi'i dan Al-Syirazi (n.d.) berpendapat bahawa apabila seseorang itu mewakafkan hartanya, pemilikan harta tersebut telah beralih kepada Allah dan tertahan daripada pemilik asal buat selama-lamanya. Harta yang diwakafkan itu pula mestilah boleh dimanfaatkan secara berkekalan dan tidak lupus. Menurut Al-Syirazi, tidak sah sekiranya wakaf dikaitkan dengan had masa yang tertentu, sebaliknya mensyaratkan wakaf itu diwakafkan buat selama-lamanya. Berdasarkan pernyataan oleh Al-Syirazi, "tidak harus dihadkan masa kerana wakaf bermaksud mengeluarkan harta untuk mendekati diri kepada Allah, maka tidak harus dihadkan masa dalam perihal membebaskan hamba dan juga sedekah. Oleh hal yang demikian, wakaf adalah tidak sah jika disebutkan tamat tempoh oleh pewakaf" (Al-Syirazi, n.d.).

Sekiranya seseorang mewakafkan harta tanpa melafazkan *ta'bid* sekalipun, wakaf itu akan dikira untuk selama-lamanya. Berdasarkan perbincangan Al-Syirazi (n.d.), "Dan di dalam apa yang tidak dinyatakan tentangnya, wakaf tersebut akan dianggap wakaf untuk selama-lamanya". Pernyataan ini merupakan perincian yang berlainan dengan mazhab Imam Hanafi yang tidak menyebutkan *ta'bid* dalam *sighab* secara langsung.

Mazhab Imam Hambali turut meletakkan *ta'bid* sebagai syarat secara mutlak, iaitu wakaf mestilah bersifat selama-lamanya. Oleh hal yang demikian, jika wakaf diniatkan sebagai pemberian sementara, dijual, dijadikan sebagai hadiah atau dikembalikan semula kepada pewakaf, maka wakaf itu tidak sah syaratnya dan tidak dianggap sebagai wakaf (Qudamah, 1968; Al-Buhuti, 1997 & Al-Buhuti, 2000). Dari segi ketiadaan lafaz *ta'qit* dalam *sighab* wakaf, Imam Ahmad bin Hanbal bersependapat dengan Imam Syafi'i (Qudamah, 1968), iaitu secara automatik wakaf itu membawa makna *ta'bid*.

فَإِنْ وَقَفَهُ عَلَى رَجُلٍ مُعَيَّنٍ وَسَكَتَ، صَحَّ وَكَانَ مُؤَبَّدًا

Maksudnya: Sekiranya seseorang itu mewakafkan hartanya dan berdiam diri, wakafnya sah dan dikira untuk selama-lamanya.

Pakar ekonomi Islam kontemporari, antaranya ialah Bik (1943), Muhammad Kamal al-Din (1998), Ashub (2000), Hilmi (2000), Husain (2003) dan Al-Syalabi (1982) bersependapat dan bersetuju bahawa wakaf mestilah berkekalan untuk selama-lamanya. Jika terdapat sebarang perkaitan *ta'qit* dalam *sighab*, maka wakaf itu terbatal kerana tujuan wakaf ialah sedekah yang berpanjangan. Senario ini tidak akan terjadi jika wakaf dihadkan jangka masanya.

Berdasarkan perbincangan ketiga-tiga mazhab di atas dan pakar ekonomi kontemporari, secara tuntasnya dapat disimpulkan bahawa mereka berpendapat syarat sah wakaf adalah dengan

mewakafkan harta untuk selama-lamanya dan menafikan sebarang had masa. Bagi menyokong pendapat ini, mereka berpegang pada dalil dari hadis *qiyas* seperti berikut:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ أَصَابَ عُمَرَ أَرْضًا بِحَيِّبٍ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمُرُهُ فِيهَا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي
أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيِّبٍ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنْفَسُ عِنْدِي مِنْهُ فَمَا تَأْمُرُنِي بِهِ قَالَ إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقَ
بِهَا قَالَ فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا وَلَا يُبْتَاغُ وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوهَبُ قَالَ فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي
الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالصَّنِيفِ لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ
يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ فِيهِ

Terjemahan: Daripada Ibn `Umar beliau menyebut bahawa `Umar r.a. telah memperoleh tanah di bumi Khaibar. Beliau lalu bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, saya telah memperoleh tanah di bumi Khaybar yang nilainya tinggi dan tidak pernah saya peroleh sesuatu yang lebih tinggi nilai daripadanya. Apakah yang tuan ingin saya lakukan terhadapnya?” Rasulullah SAW bersabda: “Kalau kamu mahu, bekukan sumbernya dan bersedekahlah dengannya.” Lalu Umar menyedekahkan tanah tersebut kepada fakir miskin, kaum keluarganya, untuk memerdekakan hamba, para tetamu dan orang musafir. Tanah tersebut tidak boleh dijual, dihibah atau dijadikan pusaka. Tetapi, tanah tersebut boleh digunakan dengan cara yang munasabah oleh pihak yang menguruskannya tanpa menjadikannya sebagai sumber harta. (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wasaya, Bab al-Waqaf Kayfa Yaktubu, No. Hadis 2587)

Menerusi hadis Sahih Al-Bukhari ini dapat difahamkan bahawa Rasulullah SAW menyarankan sahabat baginda, iaitu `Umar al-Khattab supaya memanfaatkan sebidang tanah yang paling berharga dan disayanginya bersama masyarakat dengan mewakafkannya (Siddiqi, 1996). Dalam menetapkan hukum, para *fuqaha* menggunakan dua frasa, iaitu “bekukan sumbernya” yang bermaksud mengekalkan tanah tersebut dan menjadikan hasilnya untuk kebajikan serta menafikan perkaitan dengan had masa. Frasa kedua, iaitu “tidak boleh dijual, dihibah atau dijadikan pusaka”. Oleh itu, kedua-dua frasa ini membawa erti yang sangat jelas bahawa wakaf tersebut bersifat berkekalan kerana tiada perpindahan milik dibenarkan.

Majoriti *fuqaha* menegaskan bahawa wakaf mesti berkekalan kerana wakaf itu berlandaskan pada hukum membebaskan hamba, jual beli dan sedekah. Hamba yang dibebaskan tidak boleh kembali menjadi milik tuannya dan barang yang dijual tidak boleh dituntut semula. Dalam amalan sedekah pula, harta tidak boleh dikembalikan kepada pemilik asal kerana telah berlaku perpindahan milik dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah secara berterusan. Maka, wakaf yang dihadkan tempoh dianggap menafikan maksud *ta`bid* dan tidak memenuhi syarat sah wakaf.

Wakaf *Muaqqat* Sah

Imam Abu Yusuf (Al-Hummam, n.d.), Ibnu Muslim al-Ra`yi dari mazhab Imam Hanafi, *fuqaha* mazhab Imam Maliki (Al-Dardir, 1995), sebahagian daripada mazhab Imam Syafi`i (Al-Nawawi, 1985) dan Imam Hanbali (Al-Mardawi, 1997) membenarkan pewakaf menentukan had masa dalam *sighab* wakaf dan tidak meletakkan *ta`qit* sebagai syarat sah wakaf. Selain itu, konsep amal jariah tetap akan berlaku ketika harta berkenaan berada dalam keadaan wakaf.

Menurut Imam Abu Hanifah, wakaf merupakan akad yang tidak tetap (Al-Syalabi, 1982). Pewakaf boleh menarik semula harta yang telah diwakafkan. Maka, wakaf tersebut boleh dijual, digadai, dihibahkan dan sebagainya. Seperti yang dinyatakan:

قَالَ أَبُو حَنِيفَةَ: لَا يُرْوَلُ مِلْكُ الْوَاقِفِ عَنِ الْوَقْفِ إِلَّا أَنْ يَحْكُمَ بِهِ الْحَاكِمُ أَوْ يُعَلِّقَهُ بِمَوْتِهِ فَيَقُولَ إِذَا مِتُّ فَقَدْ وَفَّقْتُ دَارِي عَلَى كَذَا

Terjemahan: Abu Hanifah berkata bahawa pemilikan *wakif* ke atas harta yang diwakafkannya tidak akan hilang melainkan ditentukan oleh hakim atau sebelum pewakaf meninggal dunia, dia mengatakan, “Sekiranya saya mati, saya wakafkan rumah saya.”

Imam Abu Hanifah (Al-Syalabi, 1982; Al-Syaybani, 1997) juga menyatakan bahawa harta boleh diwakafkan secara bertempoh dan statusnya berbentuk pinjaman seperti teks berikut:

فَنَقُولُ أَمَّا أَبُو حَنِيفَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ لَا يُجْبِرُ ذَلِكَ وَمُرَادُهُ أَنْ لَا يَجْعَلُهُ لَازِمًا. فَأَمَّ أَصْلُ الْحَوَازِ ثَابِتٌ عِنْدَهُ، لِأَنَّهُ يَجْعَلُ الْوَاقِفَ حَاسِبًا لِلْعَيْنِ عَلَى مَلِكِهِ صَارِفًا لِلْمَنْفَعَةِ إِلَى الْجِهَةِ الَّتِي سَمَّاهَا فَيَكُونُ بِمَنْزِلَةِ الْعَارِيَةِ، وَالْعَارِيَةُ جَائِزَةٌ غَيْرُ لَازِمَةٍ، وَهَذَا قَالَ لَوْ أَوْصَى بِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ يَكُونُ لَازِمًا بِمَنْزِلَةِ الْوَصِيَّةِ بِالْمَنْفَعَةِ بَعْدَ الْمَوْتِ

Terjemahan: Maka kami berkata bahawa Imam Abu Hanifah tidak membolehkan wakaf, tetapi yang dimaksudkan ialah beliau tidak menganggap wakaf itu sebagai akad yang lazim. Pada asalnya, wakaf dibolehkan kerana Imam Abu Hanifah menganggap wakaf itu hanya sebagai penahanan harta yang masih dimiliki, manakala manfaatnya diagihkan untuk tujuan yang dikehendaki oleh pewakaf. Oleh itu, wakaf sama seperti *ariyah* (pinjaman) dan pinjaman itu hukumnya *ja'iz* (harus) dan bukannya lazim. Jika seseorang berwasiat: “Aku mewasiatkan barang ini selepas kematianku”, maka wakaf tersebut menjadi lazim kerana menyerupai wasiat yang boleh dimanfaatkan setelah pewasiat meninggal dunia.

Abu Yusuf berpendapat bahawa *ta'bid* bukan syarat sah wakaf dan harta wakaf *muaqqat* boleh kembali kepada pewakaf atau pewaris selepas tamat tempoh kerana wakaf disamakan dengan akad pinjaman yang tidak lazim. Dalam pandangannya, wakaf tetap boleh menjadi jalan *taqarrub* kepada Allah walaupun tidak berkekalan.

Menurut mazhab Imam Maliki antaranya Imam Malik sendiri (Al-Dardir, 1995), Al-Kasynawi (n.d.), Al-Sarakhsyi (1994) dan Al-Sawi (1959), wakaf adalah sah jika pewakaf memilih sama ada mewakafkan harta untuk selama-lamanya ataupun untuk satu had masa tertentu dan wakaf itu tidak tertakluk kepada *ta'bid* sebagai syarat.

Imam Malik mempunyai pendapat dan hujahnya sendiri berkaitan dengan batasan waktu atau tempoh wakaf. Sekiranya wakaf merupakan ibadah berbentuk sosial yang dikategorikan sebagai sedekah, maka wakaf tidak wajib untuk diamalkan buat selama-lamanya. Begitu juga dengan syarat *ta'bid* yang tidak dinyatakan secara tegas, bahkan tidak ada juga larangan secara tegas terhadap *ta'qid*. Berikut ialah pernyataan *fugaha* berkenaan tempoh wakaf dalam karangan mereka (Al-Sarakhsyi, 1994; Al-Dardir, 1995; Al-Sawi, 1959):

وَلَا يُشْتَرَطُ فِيهِ التَّأْيِيدُ بَلْ يَجُوزُ وَقْفُهُ سَنَةً أَوْ أَكْثَرَ لِأَجَلٍ مَعْلُومٍ ثُمَّ يَرْجِعُ مِلْكًا لَهُ أَوْ لِغَيْرِهِ

Terjemahan: Dan tidak disyaratkan *ta'bid* dalam wakaf. Oleh itu, boleh mewakafkan sesuatu untuk tempoh setahun atau lebih (dalam tempoh tertentu). Kemudian, setelah tamat tempohnya wakaf itu kembali kepada pemiliknya atau orang lain.

أَنَّهُ يَتَّوَسَّعُ فِي أَمْرِ الْوَقْفِ فَلَا يُشْتَرَطُ التَّأْيِيدُ وَاشْتَرَطُ الْعُودَةَ إِلَى الْوَرِثَةِ عِنْدَ زَوَالِ حَاجَةِ الْمُوقِفِ عَلَيْهِ لَا يَفُوتُ مُوجِبِ الْعَقْدِ عَنْهُ

Terjemahan: Dia, Abu Yusuf memberikan kelonggaran dalam pelaksanaan wakaf, dia tidak memasukkan unsur berkekalan sebagai syarat kerana tujuan akad tidak akan

terbatal walaupun terdapat syarat pemulangan harta kepada pewaris sekiranya penerima wakaf tidak lagi perlu menggunakan harta wakaf tersebut.

فَلَا يُشْرَطُ فِيهِ التَّأْيِيدُ (مُنْدُوبٌ) لِأَنَّهُ مِنَ الْبِرِّ وَفِعْلُ الْحَيْرِ وَسَمَلٌ قَوْلُهُ وَلَوْ بِأَجْرٍ مَا إِذَا اسْتَأْجَرَ دَارًا مَمْلُوكَةً أَوْ أَرْضًا مُدَّةً مَعْلُومَةً وَأَقْفٌ مَنْفَعَتَهَا وَلَوْ مَسْجِدَ فِي تِلْكَ الْمُدَّةِ

Terjemahan: Maka tidak disyaratkan *ta'bid* dalam wakaf kerana wakaf itu ialah perkara sunat dan tergolong dalam berbuat baik. Hal ini juga merangkumi wakaf seperti hasil sewaan rumah yang dimiliki atau sewaan tanah yang bertempoh atau manfaat hasilnya diberikan kepada masjid untuk tempoh tertentu dan semuanya adalah dibolehkan.

Berdasarkan tiga pernyataan di atas, didapati bahawa *ta'bid* bukanlah syarat untuk mewakafkan harta. Meskipun pendapat *jumbur* menyatakan bahawa wakaf secara bertempoh adalah tidak sah. Penetapan *ta'bid* ialah berdasarkan daripada pernyataan yang dikeluarkan oleh Saidina Umar. Namun begitu, pada ketika itu tiada kenyataan tambahan daripada Nabi Muhammad SAW berkaitan *ta'bid*. Maka, di sinilah terletak hujah bahawa kekal tidak menjadi syarat dalam hukum wakaf.

Al-Syarbīnī daripada mazhab Syafi'i menyatakan bahawa wakaf dengan had masa tertentu dibolehkan kerana tidak disyaratkan lafaz *qabul*. Namun begitu, apabila tempoh tamat, manfaat berpindah kepada golongan lain yang layak. Sebagai contoh, wakaf buku untuk seribu tahun dianggap sah kerana tempoh itu hanya *majazi*, yakni wakaf masih berkuat kuasa selagi mana buku masih elok dan boleh dimanfaatkan. Contoh yang lain, iaitu Ahmad mewakafkan hartanya kepada Abu untuk tempoh satu tahun dan selepas itu diwakafkan untuk dimanfaatkan oleh fakir miskin, maka wakaf sebegini adalah sah. Terdapat dua benefisiari wakaf yang berbeza dengan cara wakaf yang berbeza, iaitu benefisiari pertama menerima manfaat wakaf untuk satu tempoh dan wakaf terakhir adalah untuk selama-lamanya kepada benefisiari yang kedua. Seperti yang dinyatakan:

وَلَوْ قَالَ وَقَفْتُ هَذَا سَنَةً فَبَاطِلٌ، وَلَوْ قَالَ وَقَفْتُ عَلَى أَوْلَادِي أَوْ عَلَى زَيْدٍ ثُمَّ نَسَلِهِ وَمَ يَزِدُ فَالْأَطْفَالُ صِحَّةُ الْوَقْفِ

Terjemahan: Dan sekiranya seseorang berkata, “Aku mewakafkan ini untuk tempoh setahun”, maka wakaf tersebut adalah batal. Namun begitu, jika dia berkata, “Aku mewakafkan harta ini kepada anak-anakku atau kepada Zaid kemudian keturunannya”, tanpa menetapkan had yang melebihi itu, maka wakaf tersebut adalah sah.

Walaupun *fuqaha* daripada mazhab Imam Hanbali bersepakat bahawa hukum wakaf *muaqqat* adalah tidak sah, namun Al-Mardawi (1997) membincangkan bahawa wakaf *muaqqat* adalah sah disebabkan pemindahan agihan manfaat harta wakaf kepada beberapa benefisiari. Contoh pertama yang dinyatakan adalah seperti berikut:

لَوْ وَقَفُّهُ عَلَى وَكَلِدِهِ سَنَةً، ثُمَّ عَلَى عَمْرُو سَنَةً، ثُمَّ عَلَى الْمَسَاكِينِ: صَح. لِاتِّصَالِهِ ابْتِدَاءً وَانْتِهَاءً

Terjemahan: Jika seseorang itu mewakafkan hartanya kepada anaknya untuk tempoh satu tahun dan selepas itu diwakafkan kepada ‘Amru selama satu tahun kemudian kepada golongan miskin, wakaf tersebut adalah sah kerana wakaf itu bersambung dari waktu bermula hingga waktu wakaf berakhir.

Manakala contoh kedua pula menyatakan tempoh yang tidak diketahui seperti berikut:

وَقَفُّهُ عَلَى وَلَدِي مُدَّةَ حَيَاتِي، ثُمَّ عَلَى زَيْدٍ، ثُمَّ عَلَى الْمَسَاكِينِ: صَح

Terjemahan: “Aku mewakafkan hartaku kepada anakku sepanjang hidupku dan selepas itu diwakafkan kepada Zaid kemudian kepada golongan miskin”, wakaf itu adalah sah.

Kedua-dua contoh *ijab* di atas melibatkan tiga benefisiari sebelum berakhir dengan pemindahan harta wakaf untuk dimanfaatkan oleh golongan miskin. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas, wakaf kepada benefisiari yang terakhir, iaitu golongan miskin merupakan wakaf yang membawa maksud wakaf yang bersifat kekal selama-lamanya.

Dalam era kontemporari, perubahan demografi, migrasi, mobiliti fizikal dan sistem politik turut mempengaruhi persepsi manusia terhadap harta serta cara pengurusannya. Walaupun majoriti *fuqaha* tidak mengharuskan wakaf *muaqqat*, instrumen ini kini dilihat berpotensi besar untuk menyokong pembangunan ekonomi umat Islam seperti yang diamalkan di Turki. Situasi ini tidak bertujuan menafikan pandangan *fuqaha* terdahulu, tetapi bagi menilai semula hukum wakaf *muaqqat* supaya sesuai dengan keperluan semasa. Sarjana *fiqh* kontemporari dan pakar ekonomi Islam turut berhujah bahawa wakaf *muaqqat* wajar dipertimbangkan semula demi menjaga permasalahan umat Islam pada masa kini.

Menurut Al-Zuhayli (1987), wakaf *muaqqat* ini telah dimasukkan dalam peruntukan Undang-Undang Negara Mesir, iaitu *Perkara 5* yang menetapkan bahawa wakaf selain daripada masjid boleh dilakukan secara berkekalan ataupun bertempoh. Al-Sariti (1997) mengambil hukum dalam mengharuskan wakaf *muaqqat* daripada pendapat mazhab Imam Maliki dan memperincikan bahawa terdapat perihal yang membolehkan wakaf *muaqqat*, iaitu dalam aspek kebajikan selain daripada wakaf masjid dan apa sahaja untuk masjid. Beliau turut menyatakan bahawa wakaf ahli pula tidak sah melainkan secara bertempoh, iaitu tidak lebih dari 60 tahun atau dua keturunan.

Mohammad dan Mar Iman (2006) berpendapat bahawa wakaf *muaqqat* adalah sah kerana jika syarat kekal menyebabkan harta tidak dimanfaatkan, wakaf itu tidak sesuai diwakafkan. Hukum syarak perlu ditentukan berdasarkan masalah awam selaras dengan *maqasid* syariah. Al-Qardawi pula menekankan bahawa fatwa mesti berasaskan dalil *rajih*, justifikasi kukuh, memudahkan masyarakat, menjaga kebajikan umum dan menolak kemudaratan tanpa terlalu longgar atau ketat. Berpandukan pendapat *fuqaha* dan pakar ekonomi kontemporari, *ta'qit* dalam *sighab* wakaf adalah sah wakaf. Mereka berpegang pada dalil naqli dari hadis, *qiyas* dan dalil 'aqli seperti berikut:

Dalil Naqli

Antara hadis yang dibincangkan oleh para *fuqaha* yang mengharuskan wakaf *muaqqat* ialah hadis yang sama diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim dalam perbincangan *fuqaha* yang menafikan kesahan wakaf *muaqqat*. Berdasarkan hadis tersebut, wakaf *muaqqat* diharuskan kerana dalam pelaksanaan wakaf kekal, harta tersebut ditahan daripada pewakaf sebagaimana pelaksanaan wakaf *muaqqat*. Pelaksanaan kedua-dua jenis wakaf ini menunjukkan 'illah yang sama, iaitu hukum mengeluarkan harta untuk kebajikan.

Frasa *إِنْ شِئْتَ* (*in shi'ta*) daripada hadis tersebut bermaksud pewakaf mempunyai hak untuk memilih sama ada untuk berwakaf secara *mu'abbad* atau *muaqqat* kerana tiada pernyataan khusus yang menganjurkan wakaf mestilah secara kekal. Frasa *حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقَ بِهَا* (*habbasta aslaha wa tasaddaqa biha*) ini juga tidak membawa makna bahawa wakaf itu mesti berlaku secara berkekalan. Maka, anjuran menahan harta untuk berwakaf ini bersifat umum dan boleh dilakukan secara kekal ataupun untuk tempoh tertentu.

Penggunaan *qiyas* terhadap hukum pembebasan hamba seperti yang dibincangkan sebelum ini dianggap tidak tepat menurut *fuqaha* yang berpegang pada *qawl* kedua. Hal ini demikian kerana terdapat perbezaan pada dalil *qiyas* tersebut, iaitu *qiyas ma'a al-fāriq* (قياس مع الفارق). Perbezaan yang dimaksudkan ialah pembebasan hamba merupakan akad yang berkaitan dengan fizikal hamba manakala akad wakaf pula tidak hanya tertakluk kepada 'ain atau fizikal sesuatu aset yang

diwakafkan, bahkan turut melibatkan manfaatnya. Oleh itu, pemilikan manfaat tidak semestinya melucutkan hak pemilikan fizikal dan tidak juga wajib dilakukan secara berkekalan. *Qiyas* wakaf dengan hukum jual beli juga dianggap kurang tepat, sebagaimana *qiyas* wakaf dengan hukum pembebasan hamba seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

Abu Zahra (1959) dan Al-Sarakhsy (1994) turut membincangkan hukum wakaf yang ditentukan menerusi kaedah *qiyas* wakaf dengan sedekah. Walaupun tujuan asal wakaf adalah sama seperti sedekah, iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah, wakaf ini tidak disyaratkan untuk selama-lamanya. Amalan bersedekah juga boleh dilakukan dengan pelbagai cara dan pada bila-bila masa. Untuk bersedekah, tiada dalil yang menyatakan wajib dilakukan selama-lamanya dan tiada larangan untuk mengehadkan masa. Oleh itu, sama ada harta itu diwakafkan secara *mu'abbad* atau *muaqqat*, sedekah tetap berlaku.

Dalil 'Aqli

Pendapat Imam Malik dilihat amat signifikan untuk diaplikasikan dalam membangunkan ekonomi umat Islam, khususnya di Malaysia yang mempunyai banyak hartanah berbentuk pajakan (leasehold) dengan had masa selama 99 tahun. Wakaf *muaqqat* memberikan peluang kepada mereka yang tidak memiliki hartanah kekal untuk berwakaf berdasarkan tempoh pemilikan yang dimiliki. Imam Malik juga berpendapat bahawa wakaf ialah kalimah yang bersifat lazim, namun tidak membawa maksud perlunya *ta'bid* dan boleh diwakafkan untuk satu jangka masa tertentu. Walau bagaimanapun, wakaf tersebut tidak boleh ditarik balik selagi tempoh yang dinyatakan oleh pewakaf belum tamat. Lafaz lazim dalam kalimah *waqafa* membawa pengertian bahawa harta tersebut tidak boleh dituntut semula atau dikembalikan kepada pewakaf sepanjang tempoh yang dinyatakan secara khusus masih berkuat kuasa.

Menerusi pandangan ini, harta yang diwakafkan masih menjadi milik pewakaf, namun manfaatnya tidak boleh dinikmati oleh pewakaf. Walau bagaimanapun, pemilikan harta tersebut akan berubah dan menjadi *mu'abbad* sekiranya pewakaf tidak menetapkan tempoh dengan jelas berdasarkan sebuah hadis:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيُّ حَدَّثَنَا ابْنُ عَوْنٍ قَالَ أُنْبَأَنِي نَافِعٌ عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ أَصَابَ أَرْضًا بِحَيْبَرَ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيْبَرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ فَمَا تَأْمُرُ بِهِ قَالَ إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَهُ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا قَالَ فَتَصَدَّقْ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ وَتَصَدَّقْ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْكُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ وَيُطْعِمَ غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ قَالَ فَحَدَّثْتُ بِهِ ابْنَ سِيرِينَ فَقَالَ غَيْرَ مُتَأْتِلٍ مَالًا

Terjemahan: Qutaibah bin Sa'id telah meriwayatkan kepada kami bahawa Muhammad bin Abdullah al-Ansari telah meriwayatkan kepada kami daripada Ibnu 'Auf, beliau berkata bahawa Nafi' menyampaikan kepadaku daripada Ibnu Umar RA bahawa Umar RA mendapat sebidang tanah di Khaibar. Lalu beliau bertemu dengan Nabi Muhammad SAW untuk meminta pendapat Baginda tentang tanah tersebut dengan berkata; "Wahai Rasulullah, aku mendapat sebidang tanah di Khaibar. Aku tidak pernah mendapat harta yang lebih bernilai selain itu. Oleh itu, apakah yang tuan perintahkan untuk aku lakukan terhadap tanah tersebut?" Baginda menjawab: "Jika kamu mahu, tahanlah yang asal dan bersedekahlah dengan hasilnya." Ibnu 'Umar RA berkata: "Maka 'Umar pun menyedekahkan hasilnya. Tanah tersebut tidak dijual, tidak dihibahkan dan juga tidak diwariskan. Dia menyedekahkannya untuk fakir, ahli keluarga, untuk membebaskan hamba, *fi sabilillah*, *ibnu sabil* dan untuk menjamu tetamu. Dan tidak dianggap berdosa untuk orang yang menguruskan tanah tersebut untuk

memakan hasilnya dengan kadar yang sepatutnya. Perawi berkata: “Kemudian aku menceritakan hadis ini kepada Ibnu Sirin dan dia berkata: “Tidak boleh mengambil harta anak yatim untuk digabungkan dengan hartanya sendiri.”

Berpandukan kisah dalam hadis ini, Saidina Umar telah mewakafkan hasil yang diperoleh daripada tanahnya, manakala tanah itu sendiri tidak diserahkan kepada pihak lain sebaliknya masih dimiliki oleh Saidina Umar RA sendiri. Oleh hal yang demikian, Imam Malik menetapkan hukum wakaf berdasarkan situasi wakaf Saidina Umar tersebut. Wakaf yang dinyatakan Nabi Muhammad SAW ini berbentuk saranan dan tiada nas yang jelas tentang pengharaman wakaf *muaqqat*, menjadikannya isu khilaf yang berpanjangan dalam kalangan *fuqaha* bergantung pada tahap ketegasan atau kelonggaran pandangan mereka.

Institusi wakaf telah lama diiktiraf sebagai salah satu mekanisme kebajikan dan pembangunan sosioekonomi dalam tradisi Islam. Secara konvensional, wakaf ditakrifkan sebagai penyerahan harta secara kekal untuk tujuan kebajikan, namun perkembangan *fiqh* kontemporari telah memperkenalkan konsep wakaf *muaqqat* atau wakaf bertempoh, iaitu wakaf yang diikat dengan jangka masa tertentu. Pensyariatkan wakaf *muaqqat* menjadi perbincangan penting dalam kalangan *fuqaha* kerana perkara ini telah menimbulkan persoalan tentang kesahihan dan keabsahan wakaf yang tidak bersifat kekal berbanding dengan definisi klasik yang menekankan unsur berkekalan (*ta'bid*). Perbincangan ini melibatkan analisis dalil-dalil syarak, pandangan mazhab utama serta pertimbangan *maqasid al-shari'ah* dalam menilai keperluan semasa masyarakat Islam. Oleh itu, kajian terhadap pensyariatkan wakaf *muaqqat* bukan sahaja signifikan dari sudut teori *fiqh*, tetapi juga relevan dalam konteks pengurusan harta wakaf moden yang menuntut fleksibiliti, keberkesanan dan kesesuaian dengan realiti kontemporari.

Wakaf *Muaqqat* di Malaysia

Keperluan umat Islam berubah mengikut masa, maka bentuk bantuan yang diberikan juga mestilah relevan dengan situasi semasa. Dana zakat kadangkala tidak mencukupi kerana bantuan tersebut terhad kepada asnaf yang tertentu. Sifat murah hati masyarakat Islam di Malaysia dipupuk melalui ajaran belas ihsan dan amalan bantu-membantu. Bagi golongan berada, kemungkinan tiada halangan untuk mewakafkan harta secara kekal, namun terdapat juga yang memilih untuk tidak berwakaf selama-lamanya kerana ingin menjaga kelangsungan hidup dan mewariskan harta kepada keturunan. Hal ini bertepatan dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin Abi Waqqas bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ جَاءَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُنِي وَأَنَا بِمَكَّةَ وَهُوَ يَكْرَهُ أَنْ يَمُوتَ بِالْأَرْضِ الَّتِي هَاجَرَ مِنْهَا قَالَ يَرْحَمُ اللَّهُ ابْنَ عَفْرَاءَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْصِي بِمَا لِي كُلِّهِ قَالَ لَا قُلْتُ فَالْتَّطَرُّ قَالَ لَا قُلْتُ التُّلْتُ قَالَ فَالتُّلْتُ وَالتُّلْتُ كَثِيرٌ. إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَعْيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ وَإِنَّكَ مَهْمَا أَنْفَقْتَ مِنْ نَفَقَةٍ فَإِنَّهَا صَدَقَةٌ حَتَّى اللَّقْمَةُ الَّتِي تَرْفَعُهَا إِلَى فِي أَمْرَاتِكَ وَعَسَى اللَّهُ أَنْ يَرْفَعَكَ فَيَنْتَفِعَ بِكَ نَاسٌ وَيُضَرَّ بِكَ آخَرُونَ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ يَوْمَئِذٍ إِلَّا ابْنَةٌ

Maksudnya: Daripada Sa'ad bin Abi Waqqas RA, beliau berkata, Nabi SAW datang menziarahiku ketika aku berada di Mekah. Baginda tidak suka untuk mati di tempat yang baginda berhijrah daripadanya. Baginda berkata: “Semoga Allah merahmati Ibn ‘Afra”. Aku berkata: “Ya Rasulullah, aku mewasiatkan hartaku kesemuanya”. Baginda menjawab: “Tidak boleh”. Aku berkata: “Separuh?” Baginda menjawab: “Tidak boleh”. Aku berkata: “Sepertiga?” Baginda: “Ya, sepertiga dan sepertiga itu sudah banyak. Sesungguhnya jika engkau meninggalkan waris engkau dalam keadaan kaya itu lebih baik daripada engkau tinggalkan mereka dalam keadaan meminta-minta kepada manusia.

Sesungguhnya engkau akan membelanjakan harta engkau dan ia akan sesungguhnya adalah sedekah hatta makanan yang engkau suapkan ke mulut isteri engkau. Allah akan memanjangkan umur engkau lalu orang ramai akan mendapat manfaat daripada engkau dan sebahagian orang (iaitu musyrikin) akan mendapat mudarat daripada engkau”. Beliau tidak memiliki waris kecuali seorang anak perempuan. (Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wasoya, hadis no: 259)

Terdapat larangan untuk menginfakkan semua harta tanpa meninggalkan sebahagian untuk waris menerusi hadis di atas. Rasulullah SAW dengan jelas menyatakan bahawa had maksimum pemberian harta kepada orang lain adalah sebanyak satu pertiga. Larangan ini selaras dengan *maqasid* syariah, iaitu menjaga keturunan dan harta agar waris tidak miskin atau bergantung pada orang lain. Dalam konteks semasa, golongan berpendapatan rendah dan sederhana sukar untuk berwakaf secara kekal kerana tidak memiliki aset bernilai tinggi. Malah, wakaf berkekalan kadangkala membantutkan hasrat mereka untuk turut sama dalam amalan berwakaf.

Oleh itu, di sinilah peranan wakaf *muaqqat*. Wakaf *muaqqat* merupakan salah satu instrumen yang sangat relevan dalam menggalakkan masyarakat Muslim untuk berwakaf mengikut kemampuan masing-masing. Harta yang akan kembali kepada pemilik setelah tamat tempoh bukan sahaja dapat menarik minat individu yang memiliki harta, malahan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana juga berpeluang serta mampu untuk berwakaf. Di samping itu, wakaf *muaqqat* turut membantu pembangunan ekonomi masyarakat Muslim serta memperkasa wakaf yang sedia ada. Dengan ini, tiada lagi keraguan untuk berlumba-lumba dalam berjihad melalui aspek harta dan bertaqarub kepada Allah Ta'ala. Bertepatan dengan firman Allah Taala:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيَهَا فَاسْتَبِقُوا الْحَيْرَاتِ أَئِنَّمَا نَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya (sendiri) yang ia menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah (dalam membuat) kebaikan. Di mana saja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu sekalian (pada hari kiamat). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (Surah al-Baqarah, 2: 148)

Ayat ini menggalakkan umat Islam bukan sekadar berbuat baik, tetapi melakukannya dengan semangat berlumba-lumba. Setiap individu perlu berusaha lebih gigih, tidak cepat berpuas hati serta menjadikan amalan kebaikan sebagai jalan memperolehi keredaan Allah. Apabila masyarakat berlumba-lumba melakukan kebaikan, situasi ini akan mewujudkan suasana yang harmoni dan maju.

Dalam meraikan keperluan ummah, terdapat beberapa aspek yang wajar diberi perhatian untuk membentuk *dawabit* pelaksanaan wakaf *muaqqat* di Malaysia. Hal ini amat penting bagi memastikan pelaksanaannya memenuhi kerangka asas cadangan instrumen tersebut. Perkara ini turut diperkuatkan melalui kenyataan informan berikut:

“Prasyarat dia mesti ada dalam cadangan pelaksanaannya. Ciri-ciri itulah yang perlu ada dalam *dawabit* ni. Sebab daripada hukum syarak itulah yang kita akan transform dalam bentuk *dawabit*. Lepas tu disesuaikan dalam konteks pelaksanaan di Malaysia dalam undang-undang. Walaupun tak lengkap dan dia tak spesifik. Kalau ada cadangan di akhir, wakaf *muaqqat* ini peruntukannya ditambah ataupun dalam Enakmen Wakaf Negeri Selangor ke mana-mana, sebenarnya peruntukan tu boleh dikembangkan lagi. Biar sesuai untuk pelaksanaan. Sebab, kalau ada undang-undang, barulah boleh dilaksana dengan baik. Kalau tak de undang-undang, dia kena buat garis panduan lain.”

Informan di atas turut menekankan kepentingan merangka pelaksanaan wakaf *muaqqat* secara sistematik dengan mengambil kira prasyarat serta ciri-ciri yang selaras dengan prinsip hukum syarak. Prasyarat tersebut perlu dinyatakan dengan jelas dalam cadangan pelaksanaan agar dapat diterjemahkan kepada *dawabit* yang sah dan berfungsi. *Dawabit* ini merupakan hasil daripada transformasi prinsip-prinsip syarak yang kemudiannya disesuaikan dengan konteks perundangan semasa di Malaysia. Walaupun peruntukan berkaitan wakaf *muaqqat* dalam undang-undang sedia ada masih bersifat umum dan belum lengkap, Mahamood (2025) mencadangkan agar penambahbaikan melalui penggubalan atau pengembangan Enakmen Wakaf negeri wajar dipertimbangkan. Langkah ini bertujuan memastikan pelaksanaan wakaf *muaqqat* dapat dijalankan secara sah, tersusun dan efisien. Tanpa kerangka perundangan yang jelas, pelaksanaan wakaf *muaqqat* berisiko bergantung semata-mata pada garis panduan pentadbiran yang mungkin tidak mempunyai kekuatan undang-undang yang memadai. Oleh itu, penambahbaikan dasar dan perundangan amat penting bagi menjamin keberkesanan serta kelestarian instrumen wakaf *muaqqat* dalam sistem pentadbiran Islam di Malaysia. Sehubungan dengan itu, *dawabit* pelaksanaan wakaf *muaqqat* turut dibincangkan bersama pakar penilai dalam bidang perbankan Islam dan beliau memberikan respon berikut:

“Saya nampak kajian yang dibuat ni dari segi aa nak membawa kepada aplikasi wakaf tu boleh dicapai, *which is* saya nampak lengkap *end to end* bermula daripada sebelum aa penyerahan *mawquf* tu ada perbincangan dia. Ketika mana penyerahan dibuat, ada dicadangkan ada perbincangan tersebut. Dan juga aa dia tak berhenti setakat itu, sebab wakaf *muaqqat* ni dia ada satu lagi aa *flow* ataupun *layer* seterusnya iaitu penyerahan kembali aa wakaf tersebut.”

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa kerangka yang menyeluruh dan holistik yang meliputi keseluruhan proses pelaksanaan wakaf *muaqqat* dari peringkat awal hingga ke peringkat akhir perlu dibentuk. Kajian ini bukan sahaja meneliti aspek sebelum penyerahan *mawquf*, tetapi turut menekankan keperluan wujudnya perbincangan serta persetujuan yang jelas antara pewakaf dan penerima manfaat sebelum pelaksanaan dilakukan. Elemen ini amat penting bagi menjamin ketelusan dan kesefahaman dalam pengurusan wakaf bertempoh. Lebih daripada itu, kajian ini tidak terbatas pada tahap penyerahan semata-mata, sebaliknya turut mengambil kira fasa lanjutan, iaitu proses penyerahan semula harta wakaf setelah tempoh tamat. Pendekatan ini mencerminkan kefahaman yang mendalam terhadap dinamik wakaf *muaqqat* yang merangkumi pelbagai prosedur pelaksanaan, sekali gus menunjukkan potensi aplikasi yang realistik dan berdaya guna dalam konteks pentadbiran wakaf di Malaysia. Kedua-dua informan di atas berpendapat bahawa wakaf *muaqqat* mempunyai potensi yang jelas untuk diterjemahkan dalam bentuk aplikasi praktikal berpandukan konteks pengurusan wakaf. Melalui pendekatan yang holistik, wakaf *muaqqat* ini melibatkan beberapa proses, iaitu dari peringkat awal pembentukan *dawabit* dan perancangan hingga ke fasa akhir, iaitu penamatan atau penyerahan kembali manfaat wakaf. *Dawabit* ini telah dibangunkan oleh pengkaji sendiri berdasarkan hasil temu bual bersama para informan serta penelitian terhadap dokumen rasmi seperti Manual Pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Enakmen Wakaf Negeri Johor (2004).

***Dawabit* Pelaksanaan Wakaf *Muaqqat* di Malaysia**

Untuk melaksanakan amalan wakaf *muaqqat* di Malaysia, wakaf tersebut mestilah memenuhi kriteria *dawabit* yang ditetapkan oleh pihak pengurusan wakaf seperti berikut:

i) Perundangan

Aspek perundangan sangat penting dalam urusan wakaf di Malaysia dan undang-undang tersebut bergantung pada jenis aset yang terlibat. MAIN berfungsi sebagai pemegang amanah tunggal dalam menguruskan wakaf berdasarkan perundangan yang ditetapkan di Malaysia. Namun begitu, setiap

negeri mempunyai enakmen dan peraturan wakaf tersendiri kerana kuasa penentuan terletak di bawah bidang kuasa negeri. Oleh itu, kaedah pengurusan wakaf juga berbeza antara negeri. Walaupun terdapat undang-undang yang mengawal wakaf secara umum, masih belum wujud peraturan khusus bagi wakaf *muaqqat*.

Aset di Malaysia pula tertakluk pada skop perundangan yang berbeza seperti Kanun Tanah Negara (KTN) dan peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). KTN mengawal segala urusan berkaitan tanah termasuk pendaftaran hak milik, pindah milik, premium cukai dan persempadanan semula. Oleh itu, setiap tanah yang diwakafkan perlu melalui proses pindah milik di bawah kerangka ini sebelum MAIN dapat didaftarkan sebagai pemegang amanah yang sah. Begitu juga dengan JPJ dan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) yang mengawal aset alih seperti kenderaan, di mana proses wakaf mesti melalui pertukaran nama dan pemeriksaan teknikal yang ditetapkan.

Wang tunai merupakan aset yang boleh diserahkan terus kepada pihak MAIN tanpa perlu terikat dengan perundangan sivil. Menurut Mohamad dan Adnan (2024), penelitian yang amat terperinci perlu dilakukan kerana perkara ini akan melibatkan kadar atau nilai yang berbeza mengikut kemampuan pewakaf. Sekiranya nilai yang terlalu rendah diwakafkan seperti RM10.00 secara potongan gaji selama dua tahun, kemungkinan besar wakaf tersebut tidak dapat memberikan peluang yang optimum kepada pihak MAIN kerana jumlah yang terkumpul akhirnya adalah rendah. Selain itu, kebarangkalian jumlah bakal pewakaf menjadi ramai adalah tinggi kerana amaun RM10.00 untuk setiap bulan ialah nilai yang mampu diwakafkan. Pada masa yang sama, nilai ini perlu dikaji dengan teliti agar manfaatnya lebih menyeluruh serta dinyatakan dengan jelas dalam peruntukan undang-undang wakaf negeri, termasuklah dari aspek tempoh dan kaedah pemanfaatannya.

Maka, Enakmen Wakaf Negeri berfungsi untuk menentukan kesahan wakaf dari sudut syariah, menetapkan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal serta menguruskan aset wakaf mengikut hukum Islam. Titik pemisahan berlaku apabila undang-undang sivil menekankan aspek pemilikan dan pendaftaran aset manakala Enakmen Wakaf Negeri menekankan aspek kesahan syariah dan pengurusan amanah. Walaupun wakaf sah dari sudut agama, wakaf tersebut tidak dapat dimanfaatkan tanpa melalui prosedur sivil, sekali gus menimbulkan isu kelewatan, kos yang tinggi dan ketidakseragaman antara negeri. Oleh itu, bagi mewujudkan satu produk wakaf *muaqqat* di Malaysia, keharmonian dari kedua-dua kerangka perundangan ini amat diperlukan.

ii) Tempoh Masa

Tempoh mewakafkan aset secara *muaqqat* mestilah sesuai dengan keadaan aset serta penyelenggaraan semasa wakaf supaya pihak pengurusan wakaf dapat memantau dan menyelenggara aset berkenaan dengan kadar yang munasabah. Tempoh tersebut juga mestilah mengambil kira jangka masa yang sesuai untuk dimanfaatkan oleh penerima. Tempoh maksimum yang boleh ditetapkan ialah selama 60 tahun atau selama dua generasi dan masa ini juga bergantung dengan niat pewakaf.

iii) Tujuan Wakaf

Aset yang diwakafkan secara *muaqqat* juga perlulah bersesuaian dengan niat pewakaf supaya wakaf tersebut boleh direalisasikan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya. Hal ini juga akan memberi implikasi kepada pihak pengurusan agar aset tersebut dapat dipantau dengan lebih efisien. Menurut Abu Zahra (1971), amalan wakaf tidak hanya terhad pada pembinaan masjid tetapi boleh disalurkan kepada apa sahaja perkara yang membawa kebaikan. Misalnya, pembinaan hospital, pembiayaan pendidikan dan apa-apa inisiatif yang sesuai dan mampu menyumbang ke arah pembangunan sosioekonomi umat Islam.

iv) Pengurusan Aset

Dawabit wakaf *muaqqat* juga boleh mengambil kira kaedah pengurusan. MAIN sebagai pemegang amanah wakaf tunggal bukan sahaja perlu merancang, tetapi juga perlu menjalankan pemantauan dan proses pemulangan semula aset kepada pewakaf. Selain itu, langkah penyelenggaraan perlu dilaksanakan jika diperlukan. Pada masa yang sama, penyelenggaraan ini akan bergantung pada jenis aset yang diwakafkan. Seterusnya, penyediaan laporan juga penting supaya pihak MAIN boleh bersedia sekiranya diperlukan oleh mana-mana pihak.

Kaedah Penyerahan Aset Wakaf *Muaqqat* di Malaysia

Untuk individu yang berhasrat mewakafkan aset mereka secara *muaqqat* kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), mereka perlu melalui beberapa prosedur penyerahan seperti berikut:

i) Permohonan Wakaf dan Niat Pewakaf

Proses serahan aset wakaf *muaqqat* bermula dengan permohonan yang dikemukakan oleh pewakaf sebagai bukti yang menyatakan niat wakaf secara rasmi melalui secara lisan dan dokumentasi. Dalam borang permohonan tersebut, pewakaf hendaklah menjelaskan jenis aset yang diwakafkan serta status aset, sama ada masih dalam tempoh bayaran ansuran atau telah dilunaskan sepenuhnya. Seandainya aset tersebut berbentuk wang tunai, saham atau aset tak alih, pewakaf juga perlu mengemukakan bukti pemilikan. Selain itu, borang tersebut turut mengandungi maklumat berkaitan tempoh wakaf yang ditetapkan serta tujuan wakaf agar permohonan tersebut selari dengan ketetapan syarak dan enakmen negeri. Langkah awal ini akan memberi peluang kepada pihak MAIN untuk menjalankan prosedur seterusnya, iaitu penilaian dan pengesahan aset.

ii) Penilaian dan Pengesahan Aset

MAIN akan menjalankan penilaian terhadap aset yang diserahkan untuk memastikan kesesuaian dan nilai semasa aset wakaf dalam satu tempoh yang ditetapkan. Penilaian ini merupakan langkah penting untuk menentukan kewujudan, nilai sebenar dan cara pengurusan aset sepanjang tempoh wakaf. Seterusnya, pihak MAIN akan dapat menentukan kaedah penggunaan aset, sama ada secara langsung untuk manfaat masyarakat atau dilaburkan bagi menjana pulangan. Pengesahan aset ini juga bertujuan memastikan tiada pertikaian hak milik yang boleh menjejaskan kelancaran pentadbiran wakaf.

iii) Ikrar Wakaf (*sighah*) dan Niat Pewakaf

Setelah proses penilaian dan pengesahan selesai, pewakaf akan hadir bersama dengan iringan dua atau tiga orang waris untuk menjalankan prosedur serahan aset wakaf kepada MAIN. Pada peringkat ini, ikrar wakaf ataupun dikenali sebagai *sighah* yang menjadi salah satu rukun wakaf perlu dibuat di hadapan Pejabat Pembuat Akta Ikrar Wakaf (PPAIW) atau pegawai yang dilantik oleh MAIN.

iv) Dokumentasi dan Pendaftaran Serahan Amanah kepada MAIN

Pada masa yang sama, pihak MAIN perlu menyediakan dokumen seperti borang serahan aset dan salinan hak milik berdasarkan jenis aset. Pewakaf akan menandatangani dokumen serahan sebagai bukti sah dan mengiktiraf MAIN sebagai *mutawalli* (pemegang amanah) yang bertanggungjawab mengurus, memelihara dan menyalurkan manfaat wakaf kepada penerima sepanjang tempoh yang ditetapkan.

v) Rekod, Agihan dan Pemantauan

MAIN akan mendaftarkan wakaf tersebut dalam rekod rasmi wakaf negeri supaya dapat memastikan wakaf tersebut diiktiraf secara sah. Institusi ini juga akan menyimpan rekod lengkap mengenai aset wakaf *muaqqat*, termasuk tempoh wakaf, jenis aset dan tujuan penggunaannya serta cara pengagihan mengikut niat pewakaf yang boleh dipantau sepanjang tempoh wakaf. Rekod ini

juga menjadi asas kepada pemantauan berkala untuk memastikan aset digunakan mengikut syarat pewakaf dan prinsip syariah. Kemudian, pihak MAIN juga bertanggungjawab menyediakan laporan tahunan atau berkala kepada pewakaf sebagai tanda ketelusan dalam pengurusan wakaf.

Rumusannya, prosedur serahan aset wakaf *muaqqat* daripada pewakaf kepada MAIN melibatkan ikrar wakaf, dokumentasi rasmi, penilaian aset, serahan amanah dan pemantauan berterusan. Proses ini memastikan wakaf ini dapat dilaksanakan secara sah, telus dan memberi manfaat kepada masyarakat sepanjang tempoh wakaf.

Kaedah Pemberhentian Wakaf Muaqqat

i) Pengesahan Tempoh Tamat

Penamatan wakaf *muaqqat* bermula dengan proses pengesahan bahawa tempoh wakaf telah berakhir. Pihak MAIN sebagai *mutawalli* akan menyemak rekod rasmi ikrar wakaf dan memastikan tarikh tamat selari dengan syarat yang ditetapkan oleh pewakaf. Pihak MAIN juga akan menghubungi pewakaf untuk memaklumkan penamatan tempoh wakafnya dan menentukan status pewakaf sama ada masih hidup ataupun telah meninggal dunia. Langkah ini penting bagi memastikan penamatan dan serahan semula aset wakaf berlaku secara sah menurut enakmen negeri dan prinsip syariah. Proses ini juga membantu serahan semula aset wakaf dapat dilakukan dengan tepat pada tarikh akhir wakaf *muaqqat* atau setelah tamat tempoh wakaf.

ii) Audit dan Semakan Harta

Sebelum harta dikembalikan, MAIN akan menjalankan audit secara menyeluruh terhadap aset wakaf bergantung pada jenis aset. Audit ini bertujuan memastikan harta wakaf berada dalam keadaan baik, tidak susut nilai secara tidak sah dan sesuai untuk diserahkan semula berdasarkan *sihah* pewakaf. Laporan audit yang disediakan ini menjadi bukti ketelusan pentadbiran wakaf dan sebagai dokumen sokongan dalam proses serahan semula.

iii) Dokumentasi Penamatan

Setelah pengesahan dan audit selesai, pihak MAIN akan mengeluarkan dokumen rasmi penamatan wakaf *muaqqat*. Dokumen ini mengandungi maklumat lengkap seperti tarikh tamat wakaf, jenis harta yang diwakafkan serta identiti pewakaf atau waris yang berhak menerima semula harta tersebut. Dokumentasi ini berfungsi sebagai bukti sah yang boleh dirujuk oleh pewakaf atau mahkamah syariah sekiranya timbul sebarang pertikaian.

iv) Serahan Semula Harta

Proses serahan semula dilakukan secara rasmi oleh MAIN kepada pewakaf asal atau waris yang sah. Harta boleh dikembalikan dalam bentuk asal seperti tanah, wang tunai atau dalam bentuk nilai yang setara sekiranya berlaku perubahan sepanjang tempoh wakaf. Serahan ini dilakukan dengan kehadiran pewakaf dan pihak MAIN untuk menandatangani borang penyerahan rasmi. Proses ini perlu dilakukan dengan saksi di kedua-dua belah pihak supaya ketelusan dan keabsahan proses serahan semula ini berlangsung tanpa sebarang pertikaian.

v) Pengesahan Penerimaan

Sebagai langkah akhir, pewakaf atau waris akan menandatangani dokumen penerimaan harta wakaf sebagai bukti sah bahawa harta telah dikembalikan. Salinan dokumen ini disimpan oleh MAIN sebagai rekod pentadbiran rasmi. Proses pengesahan penerimaan ini bertujuan memastikan penamatan wakaf *muaqqat* berlaku dengan sempurna dan tidak menimbulkan sebarang keraguan dari segi undang-undang atau syariah.

Walau bagaimanapun, pewakaf atau warisnya boleh memilih sama ada untuk tidak menerima kembali aset ini pada waktu tersebut atau mereka boleh memilih untuk melanjutkan

tempoh wakaf *muaqqat* bagi satu tempoh. Mereka juga boleh mewakafkan aset tersebut secara wakaf *muabbad* kepada pihak MAIN ataupun kepada mana-mana benefisiari lain. Dalam keadaan ini, prosedur serahan akan berulang semula.

KESIMPULAN

Wakaf *muaqqat* merupakan salah satu instrumen yang sangat relevan dalam menggalakkan masyarakat Muslim untuk berwakaf mengikut kemampuan masing-masing. Harta yang akan kembali kepada pemilik setelah tamat tempoh bukan sahaja boleh menarik minat individu yang memiliki harta, malah turut membuka peluang kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk berwakaf. Di samping itu, wakaf ini juga dapat membantu merangsang pembangunan ekonomi dalam kalangan masyarakat Muslim.

Sebagai instrumen yang baharu diperkenalkan di Malaysia dan peruntukan undang-undang atau enakmen yang bersifat umum, pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai *mutawalli* memainkan peranan yang sangat penting. Pelbagai langkah perlu disusun untuk memastikan pelaksanaan wakaf *muaqqat* dapat dilakukan dengan mengharmonikan keperluan ummah dan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

PENGAKUAN

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi pengajian peringkat Doktor Falsafah oleh Noor Ain Alin @ Nordin di bawah seliaan Prof. Dr. Asmak Ab Rahman.

RUJUKAN

- ‘Ashub, A. J. A. R. (2000). *Kitab al-Waqf*. Dar al-Afaq al-Arabiyyah.
- Ab Rahman, M. F., & Amanullah, M. (2017). Challenges and problems facing the application of temporary waqf in selected states of Malaysia: New issues and their guiding rules. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, 30(3), 291–314. <https://doi.org/10.4197/Islec.30-3>
- Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., & Azhar, Z. N. (2025). Legal analysis and feasibility of temporary waqf in Negeri Sembilan. *Journal of Awqaf and Social Finance*, 3(1), 58–85. <https://journal.jawhar.gov.my/journal-v3104/>
- Abidin, M. A. (2003). *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar* (Vol. 6). Dar ‘Alim al-Kutub.
- Abu Zahra, M. (1959). *Mubadarat fi al-Waqf*. Matba‘ah Ahmad ‘Ali Mukhaimarat.
- Al-Buhuti, M. I. Y. (1997). *Kashshaf al-Qina’ an Matn al-Iqna’*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Buhuti, M. I. Y. (2000). *Sharh Muntaba al-Iradat*. ‘Alam al-Kutub.
- Al-Bukhari, M. (n.d.). *Sahih al-Bukhari* (Vol. 10). Dar Ibn Kathir.
- Al-Dardir, A. A. B. (1995). *Al-Syarh al-Saghir ma’a Bulghat al-Salik li-Aqrab al-Masalik* (Vol. 4). Dar al-Ma‘arif.
- Al-Hummam, K. (n.d.). *Fath al-Qadir* (Vol. 5). Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Alin @ Nordin, N. A., A., Ab Rahman, A., & Sukmana, R. (2025). Aplikasi wakaf *muaqqat* di Malaysia: Analisis kritikal dari perspektif pembangunan ekonomi Islam. *Jurnal Syariah*, 33(1), 1–27. <https://doi.org/10.22452/syariah.vol33no1.1>
- Al-Kasynawi. (1999). *Ashal al-Madarik* (2nd ed., Vol. 3). Dar al-Fikr.
- Al-Mardawi, A. A. H. A. S. A. (1997). *Al-Insaf fi Ma’rifat al-Rajib min al-Khilaf ‘ala Madhhab al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Musilli (n.d.), *al-Ikhtiyar li Ta’lil al-Mukhtar*. (Vol. 4). Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Y. (1985). *Randat al-Talibin*. Al-Maktab al-Islami.
- Al-Sarakhsyi, S. (1994). *Al-Mabsut* (Vol. 12). Dar al-Kitab al-Ma‘rifah.

- Al-Sariti, (1997), *al-Wasaya wa al-Awqaf wa al-Mawarith fi al-Syari'ati al-Islamiyyah*. Dar al-Nahdhah al-'Arabiyyah, 181-187.
- Al-Sawi, (1959). Hasyiah al-Sawi 'ala Syarhi al-Saghir. Mustafa al-Halabi.
- Al-Syafi'i, (1990). *al-Umm* (Vol 4). Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syalabi, M. M. (1982). *Abkam al-wasaya wa al-awqaf* (4th ed.). Dar al-Jami'iyah.
- Al-Syaybani, M. H. (1997). *Sharh al-Siyar al-Kabir* (Vol. 5). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syirazi (n.d.). *al-Mubazzab*. (Vol 2). Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (1987). *Al-Wasaya wa al-Waqf fi al-Fiqh al-Islami*. Dar al-Fikr.
- Badlihasham, N. A., & Md Salleh, M. F. (2024). Wakaf bertempoh (muaqqat): Satu cadangan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan dalam penyata kewangan. *International Journal of Advanced Research*, 12(6), 28–46. <https://www.journalijar.com/article/48472/wakaf-bertempoh-muaqqat-satu-cadangan-pengiktirafan-pengukuran-dan-pendedahan-dalam-penyata-kewangan/>
- Bik, A. I. (1943). *Kitab al-waqf*. Maktabah 'Abdullah Wahbah.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (4th ed.). SAGE Publications
- Enakmen Wakaf Negeri Johor. (2004). Seksyen 3–5. https://www.majj.gov.my/?page_id=420
- Hilmi, U. (2000). *Ithaf al-akhlaf fi abkam al-awqaf*. Majmu'at Dilat al-Birkah.
- Husain, A. F. (2003). *Abkam al-wasaya wa al-awqaf fi al-syari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Jami'ah al-Jadidah
- Kahf, M. (2003). *The role of waqf in improving the ummah welfare*. Islamic Research and Training Institute.
- Kahf, M. (1999). Toward the revival of awqaf. In *Proceedings of the Third Harvard University Forum on Islamic Finance: Local Challenges, Global Opportunities* (pp. 245–252). Center for Middle Eastern Studies, Harvard University.
- Krippendorff, K. (2018). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology* (4th ed.). SAGE Publications.
- Mahamood, S. M. (2025). Wakaf muaqqat mengikut perspektif undang-undang di Malaysia: Suatu analisis. *Jurnal Syariah*, 33(3), 424–458. <https://doi.org/10.22452/syariah.vol33no3.5>
- Mahamood, S. M., Ab Rahman, A., & Che Seman, A. (2018). Cabaran pelaksanaan wakaf universiti awam di Malaysia: Suatu analisis menurut perundangan di Malaysia. *KANUN: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 30(2), 384–410. <https://dev.dbp.my/index.php/Kanun/ms/article/view/2960>
- Mohamad, M. R., & Adnan, A. A. (2024). Pendanaan wakaf menurusi wakaf bertempoh (muaqqat): Sorotan kajian di negeri Terengganu. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 3(1), 10–20. <https://journal.unisza.edu.my/inspire/index.php/inspire/article/view/52>
- Mohammad, M. T. S., & Mar Iman, A. H. H. (2006). Obstacles of the current concept of waqf to the development of waqf properties and the recommended alternative. *Malaysian Journal of Real Estate*, 1(1), 27–38. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.34379.62246>
- Muhammad Kamal al-Din (1998). *al-Wasaya wa al-Awqaf wa al-Mawarith fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. al-Muassasah al-Jami'ah li al-Dirasat wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Qudamah, A. (1968). *Al-Mughni* (Vol. 6). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Siddiqi, M. N. (1996). *Role of the state in the economy in Islamic perspective*. The Islamic Foundation.